

# 'Tiada sekolah sakit RMK-9'

BA - 27/5/2006

## Kementerian Pelajaran ambil kira tiga aspek utama sebelum mula pembinaan

Oleh Mohd Hamizar Hamid

**S**UNGAI SIPUT: Isu sekolah 'sakit' dan terbengkalai dijangka selesai selepas Kementerian Pelajaran melaksanakan pendekatan lebih teliti dalam pembinaan sekolah baru sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ini.

Bagi tujuan itu, Timbalan Menteri, Datuk Noh Omar, berkata tiga aspek akan diberikan keutamaan iaitu kajian mengenai kesesuaian tapak sekolah, keperluan setempat serta kemudahan asas.

Beliau berkata, tidak akan ada sekolah selepas ini yang akan dibina di atas tapak berpaya, lereng bukit atau di atas tanah berselut.

"Kerajaan akan membina seba-

nyak 180 buah sekolah rendah dan 229 sekolah menengah dan sekolah berasrama penuh sepanjang tempoh lima tahun ini.

"Tiga faktor yang akan diberikan keutamaan adalah kajian kesesuaian tapak, keperluan setempat dan kemudahan asas," katanya selepas menerima bangunan baru Sekolah Kebangsaan Temin (SKT) di sini, semalam. Ia diterima Noh daripada Menteri Kerjaya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Bangunan baru tiga tingkat SKT yang dibina dengan kos RM1.7 juta itu menyediakan kemudahan enam bilik darjah, bilik guru, pejabat, bilik kemahiran, makmal dan gelanggang sukan.

Noh berkata, menerusi pendekatan itu nanti, semua sekolah baru akan dipastikan pembinaannya di atas ta-

### FAKTA NOMBOR

Bilangan Sekolah dibina dalam RMK-9

180

Sekolah Rendah

229

Sekolah Menengah

pak yang benar-benar kukuh bagi memastikan keselamatannya.

Beliau berkata, langkah itu diambil berikutan sebelum ini berlaku kes mendapan lantai dan keretakan bangunan sekolah selepas beberapa tahun digunakan.

Katanya, antara punca berlakunya mendapan lantai dan keretakan bangunan disebabkan tapak bangunan sekolah dibina di atas tanah lembut.

"Faktor kedua yang akan diberi perhatian ialah mengenai kesesuaian atau keperluan sekolah yang akan dibina bagi sesebuah kawasan termasuk kajian sama ada sekolah itu akan digunakan sepenuhnya.

"Ada juga kes di mana sekolah dibina untuk kegunaan 200 pelajar tetapi hanya 15 pelajar yang meng-

gunakannya apabila siap," katanya.

Noh berkata, kemudahan asas termasuk bekalan elektrik, air dan kemudahan jalan raya akan diberikan perhatian berikutan kementerianya tidak mahu kes sekolah siap tetapi tidak boleh digunakan sepenuhnya.

Katanya, Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein akan memantau sendiri pembinaan sekolah dalam RMK-9 bagi memastikan projek terbengkalai dan sakit membatik 26 daripada 500 sekolah yang dibina dalam RMK-8 tidak berulang.

"Jika berlaku projek terbengkalai, bukan setakat kerajaan yang akan rugi memulihkannya tetapi turut memberi kesan kepada pelajar terbabit berikutan terpaksa menumpang di sekolah lain.